

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, September 24, 2019 9:11 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Dekan SOL Menghadap Raja Puan Muda Kedah Sembah Maklum Perkembangan Pusat Pengajian



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

24 SEPTEMBER 2019 / 24 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

DEKAN SOL MENGHADAP RAJA PUAN MUDA KEDAH SEMBAH MAKLUM PERKEMBANGAN PUSAT PENGAJIAN



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Dekan Pusat Pengajian Undang-undang, Dr. Rohana Abdul Rahman telah menghadap Duli Yang Teramat Mulia Che Puan Muda Zaheeda binti Mohamad Ariff, Raja Puan Muda Kedah di Istana Kedah, semalam.

Majlis menghadap itu bertujuan untuk menyebarkan maklum tentang Pusat Pengajian Undang-undang (SOL) yang merupakan salah satu daripada empat buah pusat pengajian di bawah UUM College of Law, Government and International Studies (UUM COLGIS).

Selain itu, Dr. Rohana juga menyebarkan maklum perkembangan akademik yang mana SOL menawarkan dua program ijazah Sarjana Muda dan lima program pasca siswazah termasuk peringkat kedoktoran serta jumlah keseluruhan graduan undang-undang yang telah dihasilkan UUM di bawah pusat pengajian tersebut iaitu seramai 1,094 orang.

Pusat Pengajian Undang-undang juga menyediakan perkhidmatan seperti Pusat Bantuan Guaman, Legal and Justice Research Centre, Islamic Law Research Unit dan International Law Research Unit.

Duli Yang Teramat Mulia Tuanku juga telah berkenan untuk bercemar duli menyampaikan Syarahan Undang-undang Diraja Universiti Utara Malaysia (UUM) yang pertama dan julung kali diadakan di Negeri Kedah yang dijadualkan pada 29 September ini di UUM.

Syarahan Undang-undang Diraja UUM ini merupakan program wacana ilmiah berkaitan undang-undang, polisi dan masyarakat (*law, policy and society*) yang julung kali dianjurkan SOL dan ia adalah sumbangan dan tanggungjawab universiti sebagai universiti awam di utara tanah air bagi memastikan ilmu perundangan dapat disebarluaskan kepada rakyat negeri Kedah.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.